

SOALAN NO. 317

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**

**MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY  
[BACHOK]**

**TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
menyatakan jumlah kes kaunseling yang dikendalikan oleh setiap  
kaunselor JKM daerah di seluruh negara bagi tahun 2014, 2015 dan 2016.**

**JAWAPAN: YB. DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa memberikan perkhidmatan kaunseling kepada komuniti dan masyarakat yang memerlukan perkhidmatan berkenaan. Kaunseling adalah satu proses perhubungan menolong secara professional berdasarkan prinsip-prinsip psikologi yang dilaksanakan oleh kaunselor mengikut kod etika kaunselor untuk membantu klien meneroka, menganalisis, memahami diri dan mampu membuat keputusan sendiri.

Penempatan pegawai psikologi/ kaunselor JKJ yang ditempatkan di satu-satu daerah di seluruh negara melaksanakan pelbagai jenis intervensi kaunseling seperti kaunseling individu, kaunseling keluarga, kaunseling kelompok dan psikologi mengikut keperluan individu yang memerlukan

perkhidmatan berkenaan. Bilangan pegawai psikologi/ kaunselor di JKM yang memberikan perkhidmatan diperingkat Ibu Pejabat, negeri, daerah dan institusi adalah seramai **140** orang. Sebanyak **13,324** intervensi kaunseling dan psikologi telah dilaksanakan pada tahun 2014, manakala bagi tahun 2015 dan 2016 masing-masing sebanyak **19,998** dan **15,474** intervensi kaunseling dan psikologi telah dilaksanakan.